



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH & KARNIVAL
KERJAYA MYFUTUREJOBS 2023**

11 FEBRUARI 2023

PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem.

YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu,

Menteri Sumber Manusia;

YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud,

Timbalan Menteri Sumber Manusia;

Yang Berbahagia Dato' Sri Subahan bin Kamal,

Pengerusi Lembaga PERKESO; dan

Saudara-saudara dari Kementerian dan PERKESO.

1. Saya ucapkan terima kasih dan saya amat tertarik kerana kehadiran tokoh-tokoh korporat dan majikan daripada syarikat-syarikat gergasi memberi sokongan kepada projek ini. Rencana kita dalam negara ini tidak mungkin berhasil kalau tidak ada kesepaduan, kebersamaan dan tekad untuk mengangkat martabat negara kita.
2. Ini yang dirumuskan dalam konsep negara MADANI. Kalau kita mahu meningkatkan usaha membantu skim-skim seperti Skim Keselamatan Sosial Suri rumah ini serta memberikan ruang kepada anak-anak kita tentang peluang pekerjaan dan masa depan, gabungan tenaga di antara Kerajaan, majikan dan rakyat itu harus disamakan. Negara kita sekarang mula meneroka kaedah-kaedah baharu, kita tidak mungkin mengekalkan kaedah yang lama untuk membawa perubahan dalam negara kita.

Saudara-saudari,

3. Sering saya sampaikan pandangan Joseph Schumpeter, apabila ada krisis. Beberapa negara dan dunia dilanda krisis, antaranya Perang Ukraine-Rusia, malapetaka gempa bumi besar di Turkiye dan Syria, perang saudara, beberapa serangan golongan pengganas, ketegangan Amerika dan China, semuanya itu ada tempiasnya

kepada negara kita. Lebih-lebih lagi dengan kesan COVID-19. Kalau kita sebut tentang *postnormal times*, tetapi kaedah kerja kita masih sama, sama seperti 10 tahun atau 20 tahun lalu, tidak mungkin kita akan mencapai apa-apa pembaharuan dan perubahan.

4. Saudara-saudara, majikan syarikat-syarikat besar pastinya tahu bahawa ada kaedah untuk membawa perubahan dalam syarikat, untuk berdaya saing dan mampu berjaya dalam bidang masing-masing. Ini yang disebut oleh Joseph Schumpeter, “Gales of Creative Destruction”. Ada seolah-oleh kerosakan yang berlaku tetapi kita manfaatkan itu untuk lebih kreatif, berdaya cipta yang baharu dan berusaha dengan kaedah baharu, di samping merobohkan yang lama dan yang rosak.
5. Kalau kita tahu sistem negara kita, tidak mungkin kita pertahankan, nasib pekerja tidak mungkin terbela sekiranya kerosakan rasuah, salah guna kuasa, gunakan kedudukan politik untuk memperkayakan diri dan keluarga. Kalau ini diteruskan, negara tidak mungkin terangkat. Sebab itu saya tegas dan keras dalam perkara ini. Saya tidak peduli kalau ada pandangan sinis atau serangan. Saya mahu bersama dengan rakan-rakan menyelamatkan negara kita. Malaysia punyai keupayaan

untuk diangkat semula sebagai negara hebat di rantau kita. Syaratnya, kita mesti bersihkan dan ini memerlukan bukan sahaja tokoh-tokoh politik tetapi juga majikan, penjawat awam dan rakan-rakan dalam penguatkuasaan.

6. Kita harus menerima kenyataan. Hari ini kita membicarakan hampir keseluruhannya tentang nasib pekerja, suri rumah dan anak-anak yang belum mendapat pekerjaan tetapi ini terkait dengan sistem negara itu seluruhnya. Dengan keupayaan dan tekad kita, mengasak terus mesej ini, membawa kebaikan dan perubahan. Saya tidak nafikan kita semua ada kelemahan. Saya bukan hanya hendak ungkit soal-soal yang lalu, tetapi saya mahu perubahan itu berlaku sekarang.
7. Saya bagi contoh ladang, syarikat-syarikat, dan restoran mengeluh kerana ketiadaan dan kurang pekerja, tunggu sehingga bertahun. Bagi ladang, pengeluaran terhambat. Restoran, ribuan ditutup. Kita masih tunggu keputusan kerana kita kata kita mesti cari pekerja tempatan. Kita harus kaji dan cari pekerja tempatan dan majikan juga bertanggungjawab tetapi ladang mesti dikerjakan, syarikat mesti diteruskan, industri mesti memastikan pengeluaran itu berjalan dan restoran mesti ada pekerja.

8. Justeru, sejak bulan lalu, saya mengambil keputusan dan dengan sokongan Kabinet khususnya Menteri Sumber Manusia dan Menteri Dalam Negeri menyatakan, kita batalkan semua syarat-syarat, pekerja-pekerja asing yang tidak ada permit didaftarkan, ambil mereka tanpa ejen, tanpa dikenakan kos tambahan.
9. Mengapa seorang pembantu rumah dari Jawa datang bekerja dengan bayaran mencecah RM20 ribu – RM25 ribu? Mengapa dari Bangladesh, kita ambil seorang pekerja gajinya RM2,000 tetapi syarat kemasukan mesti RM25 ribu? Mengapa di Nepal kerajaannya memutuskan dan menetapkan kos hanya RM3,700, termasuk kos perubatan, penerbangan dan semua kos pentadbiran? Mengapa kita tidak ada upaya mempertahankan hak pekerja sama ada pekerja tempatan atau pekerja luar, menghalang dari apa bentuk penindasan ke atas mereka?
10. Maka kita ambil keputusan dan saya tahu keputusan itu dibantah oleh segelintir golongan kaya dengan pelbagai ugutan tetapi saudara kita kena ambil keputusan dan alhamdulillah, tanpa proses yang lama dengan kos yang tinggi, Kedua-dua kementerian ini termasuk Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan dan sekarang hampir

200,000 orang pekerja masuk dan didaftarkan tanpa bayar, wang haram, rasuah atau menindas rakyat?

11. Saya tidak ingin mengatakan bahawa ada kelancaran dan suasana yang bersih di semua peringkat, tidak. Saya masih menerima laporan di peringkat bawah, penguatkuasaan masih ada dan peranan rakan-rakan untuk melaporkan kerana saya tidak berhasrat untuk menjadi Perdana Menteri dengan mempertahankan sistem rasuah dan bobrok. Itu adalah contoh dan maknanya kita ada upaya.
12. Sekarang kesatuan sekerja meluahkan pandangan yang munasabah iaitu jangan program ini menghambat peluang pekerjaan anak-anak tempatan. Saya beritahu kelonggaran awal ini terpaksa diadakan. Bagaimana satu ladang sama ada besar, kecil atau sederhana yang terhambat pengeluaran dan kita rugi berpuluh bilion ringgit satu tahun kerana kurang pekerja? Di ladang-ladang kelapa sawit, dan pelbagai lagi industri yang daya pengeluaran terhambat kerana kurang pekerja.
13. Kita terpaksa lakukan, walaupun kalau tanya pilihan saya, tentunya saya paksa mereka ambil pekerja tempatan dan latih mereka. Kita beri kelonggaran ini dan mesej ini jelas

kepada majikan. Apa dia? *We will do whatever is necessary to assist the companies to be able to be effective, increase the production and garner as much profit as possible.* Tetapi majikan harus faham bahawa dalam konteks MADANI kita perlu jaga program rakyat, dan jaga kesejahteraan pekerja-pekerja. Takkanlah pula kita sudah bantu, untungnya dari RM500 juta menjadi RM1 bilion tetapi elaun pekerja masih sama terutama bagi pekerja tempatan.

14. Sebab itu di ruang lain dahulu saya pernah sebut, jangan kita membangun, gedungnya bangun, penerbangannya lancar, kelapa sawit itu jenuh atau elektronik itu lebih canggih sambil membangun tetapi nasib pekerja dirobohkan.
15. Jadi sebab itu saya harap majikan beri kerjasama supaya tidak perlu ada akta baru atau peraturan baru, ini soal *conscience, humanity, care and compassion.* Ini yang disebut dalam di antara kerangka MADANI. Ya kita mahu kemampanan (sustainability) kerana negara dan rakyat perlukan, tetapi kita kena pelihara persekitaran. Jangan dirosakkan. Kita pelihara dengan ihsan dan rahmah.

16. Saya sambung soal pekerja, kerana baru-baru ini saya telah memohon laporan daripada syarikat-syarikat Kerajaan dan tertarik dengan usaha PNB berkaitan ladang kelapa sawit. Sekarang ini kalau kita tanya anak tempatan, anak Melayu tidak mahu kerja di ladang kelapa sawit. Kaedah kerjanya yang sama 20-30 tahun yang lalu. Ada *mechanization*, ada peranan *drones* tetapi penggunaannya masih minimum.

17. Jadi saya hendak syorkan, ia terkait dengan *mechanization*. Bila *mechanize*, percubaan baru, sekitar 300-350 pekerja yang tetap. Saya diberitahu hanya dua yang berhenti kerana sakit, itu soal kesihatan. Yang lain itu kekal, saya ingat 90 peratus anak Melayu kekal bekerja dengan upah sekitar RM2,800 hingga RM3,000 kerana ditingkatkan *mechanization* dalam bidang perladangan. Jadi saya harap hal-hal seumpama ini kalau perlu Kerajaan sediakan insentif tambahan untuk *mechanization*, saya tidak ada halangan. Kalau cepat dibawa kepada saya, boleh umumkan pada 24hb nanti. Kalau lambat, tahun hadapan. Kalau tidak buat, saya akan potong insentif.

18. Baik, saya harap semua mendapat dapat mesej yang jelas bahawa pengambilan pekerja asing terlalu ramai itu hanya sementara, tidak ada negara yang wajar mempertahankan dasar ini. Apatah lagi ia akan mengekalkan kita kepada *middle income trap*. Maknanya kita akan kekal di tahap yang di bawah dan rendah kerana Kerajaan tidak mungkin menyediakan insentif yang cukup mahupun majikan selesa dengan kaedah yang lama. Jadi harus ada perundingan yang lebih rapat dengan kementerian-kementerian yang berkaitan dan kita cuba bawa perubahan ini.

19. Saya juga ingin sentuh soal yang terkait dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan pekerja. Tentunya tidak mungkin kita menerima semua tuntutan *Malaysian Trade Union Congress* (MTUC) atau Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tetapi ruang untuk mereka kemukakan dan rasa selesa dengan kaedah rundingan itu harus ada kerana tidak mungkin majikan apatah lagi saya memahami semua masalah pekerja kalau tidak ada ruang untuk mereka sampaikan di peringkat masing-masing. Saya hendak pastikan majikan ada proses rundingan itu tetapi seperti yang kita tahu dalam negara ini kita tidak mahu majikan *dictate all issues*

dan dalam keadaan yang sama, kita tidak mahu kesatuan sekerja *dictate all issues*.

20. Yang perlu adalah rundingan dan kita mencari jalan tengah atau penyelesaian yang tidak akan menyukarkan syarikat itu memperbaiki produktiviti dan mencatat keuntungan kerana saudara percaya kalau tidak ada usaha untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi ini, saya tidak percaya nasib pekerja akan terbela dan peluang pekerjaan akan dapat ditambah.
21. Jadi harus terima kenyataan bagaimana hendak jaga keseimbangan ini. Keseimbangan untuk memastikan syarikat-syarikat mencatat kejayaan dari segi produktiviti, keuntungan dan dalam masa yang sama, tidak melepaskan tanggungjawab iaitu keprihatinan dan ihsan kepada golongan pekerja dan masyarakat di negara ini.
22. Inisiatif yang diumumkan oleh Menteri Sumber Manusia sebentar tadi yang kita dengar secara teliti dan saya tidak perlu mengulas selain daripada menyatakan penghargaan kerana kadang-kadang dalam kesibukan kita ini, majikan dan pekerja, kita lupa tentang suri rumah tangga. Kalau orang tanya “kerja tak?” “tidak kerja” “buat apa?” “buat kerja rumah sahaja”. Itu saya tahu kerana

Wan Azizah, beliau memang keras menolak tanggapan bahawa kerja memasak, membasuh, jaga anak, jaga keselesaan rumah tangga dan jaga suami itu dianggap bukan kerja. Sebab itu pandangan kita harus berubah dan kalau kita iktiraf mereka sebagai tonggak dalam keluarga selain daripada suami atau bapa, maka semua agensi dan Kerajaan khususnya harus beri pengiktirafan.

23. Oleh itu, skim-skim yang diperkenalkan termasuk skim caruman ini harus disokong. Apakah jenis bapa atau suami yang merasa sukar untuk memberi caruman RM10 sebulan untuk keselesaan isteri pada masa depan itu? Itu adalah bapa yang tidak berguna. Kalau orang lain, majikan harus prihatin, Kerajaan harus prihatin, Perdana Menteri baharu ini tidak cukup prihatin, tetapi kamu RM10 untuk isteri kamu sebulan pun kamu tidak prihatin, apa jenis manusia ini? Nampaknya orang perempuan semua bersetuju dan sepatutnya bapa pun harus setuju. Jadi saya harap kita dapat jayakan, komitmen kesatuan sekerja dan Kementerian harus diperhebatkan lagi.
24. Berkait tentang Orang Kurang Upaya (OKU), sebahagiannya akibat kemalangan dan kecederaan, sementara sebahagian itu dilahirkan begitu. Tanggungjawab kita dalam konteks manusiawi

(humanity) ini ialah untuk melakukan apa yang sebaiknya. Mereka anak-anak itu tidak berdosa, tidak dipilih buat begitu atau kita dalam kadang kecederaan atau kesakitan tidak juga memilih begitu. Jadi kita tawakal kepada Allah SWT dan kita ikhtiarlah sebaiknya.

Saudara-saudara,

25. Itulah sedikit pandangan saya tentang kerangka Ekonomi, pertumbuhan serta pembangunan. Saya harap seperti yang saya sebut dalam mukadimah tadi dari Joseph Schumpeter, “Gales of Creative Destruction” saudara faham, bahawa pentadbiran saya ingin memanfaatkan ujian dan permasalahan yang berlaku serta krisis ini untuk mengajar kita, mengasak dan mendesak kita untuk membawa perubahan yang diperlukan di negara ini.

26. Yang pertama yang tidak boleh ditolak ansur sama sekali adalah *good governance*. Kecekapan dan mesti menolak amalan rasuah yang sudah menjadi sistemik dalam negara kita dari atas sampai ke bawah. Kalau tidak diperangi, jahanam negara ini. Jadi saya harap saudara faham dan kalau buat begini, ia memerlukan kekuatan serta tekad yang luar biasa.

27. Bercakap mengenai perubahan, saya berjumpa dengan Menteri Kewangan Tamil Nadu, Saudara tahu Tamil Nadu dalam *normal business registration, it takes them fifteen days? I ask everyone here, can you register company fifteen days in Malaysia? Fifteen days probably one file, there are 15 files to fill in.* Jadi hal-hal begini yang boleh kita lakukan perubahan. Saya tidak salahkan penjawat awam kerana itu peraturan yang kita telah wujudkan dan patuhi selama ini. Yang perlu sekarang adalah kreatif dari segi *destruction*.
28. Apa *destruction* kita? Kita kalah dengan Singapura, Vietnam, dan juga Indonesia. Semalam saya pulang dari Bangkok, dalam beberapa hal mereka sudah mengatasi; soal *digitalization, EV, modern transportation*. Ini adalah beberapa hal yang sepatutnya kita tidak boleh ketinggalan.
29. Jadi sebab itu *ease of doing business*, kecepatan meluluskan itu harus dilakukan sama ada hendak kena, saya tidak kata tidak perlu AIA, saya tidak kata tidak payah semak akaun bank, boleh semua itu tetapi mengapa kita mengambil masa enam hingga sembilan bulan? Saya lihat laporan daripada syarikat-syarikat, bukti proses permohonan dan di dapati dari hari dia daftar

dan akhirnya hari yang diluluskan mengambil masa sembilan bulan dua minggu. Walaupun semua peraturan-peraturan itu dipenuhi.

30. Jadi sebab itu saya telah beritahu kepada Tengku Zafrul di MITI dan tentunya beberapa kementerian lain yang terikat untuk memperkenalkan kaedah dan dalam masa beberapa minggu ini kita harus lihat perubahan yang jelas.
31. Justeru, kita tidak boleh kekalkan kaedah lama untuk mengangkat semula pembangunan negara ini. Saya sangat yakin ya. Orang kata Anwar Ibrahim itu *a dreamer, it doesn't matter what you say, but I am very confident*. Kalau kita dapat *push* agenda ini, kita boleh lihat dalam masa enam bulan atau setahun, kita boleh tengok betul-betul Malaysia baharu, Malaysia MADANI.

Terima kasih, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.